

Buletin **KOR SISPA**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

EDISI 2024

Buletin Kor SISPA USM Edisi 2024

Ketua Editor

**Prof. Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim
Fatini Nadiah binti Ahmad Yusof**

Barisan Editor

**Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud
Siti Noor Huda Qistina binti Rasid
Noraini binti Nordin
Nurul Asyirah Amiera binti Sapri
Ahmad Kamil bin Awang Ali
Nurul Asyirah
Wan Nur Anis Nabila binti Wan Rushdi
Muhammad Luqman Hakim bin Mohamad
Amira Natasya binti Muhamad Nassir
Nur Aina Syazwani binti Suzarmisham
Ainur Wahyuni binti Aidil Azhani
Munirah binti Suhud
Mohammad Azhari bin Perisiben
Amirul Hafiz bin Hamzah
Nur Hani Athirah binti Hasbullah**

Barisan Reka Bentuk Grafik

**Fatini Nadiah binti Ahmad Yusof
Siti Noor Huda Qistina Binti Rasid
Noraini binti Nordin**

Mohamad Haafiz Mohamad Kassim
Fatini Nadiah binti Ahmad Yusof
Mohd Amirul Mahamud
Siti Noor Huda Qistina binti Rasid
Noraini binti Nordin
Nurul Asyirah Amiera binti Sapri
Ahmad Kamil bin Awang Ali
Nurul Asyirah
Wan Nur Anis Nabila binti Wan Rushdi
Muhammad Luqman Hakim bin Mohamad
Amira Natasya binti Muhamad Nassir
Nur Aina Syazwani binti Suzarmisham
Ainur Wahyuni binti Aidil Azhani
Munirah binti Suhud
Mohammad Azhari bin Perisiben
Amirul Hafiz bin Hamzah
Nur Hani Athirah binti Hasbullah

Hakcipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Rancangan Kokurikulum, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang.

Sebarang pelanggaran hak cipta akan dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Hak Cipta 1987. Untuk kebenaran atau pertanyaan, sila hubungi:
Pusat Rancangan Kokurikulum Universiti Sains Malaysia, prkinduk@usm.my,
atau 04-6535240.

Walaupun segala langkah berjaga-jaga telah diambil dalam penyediaan buletin ini, penerbit dan penulis tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau pengecualian maklumat tanpa sengaja. Penerbit dan penulis juga tidak bertanggungjawab atas sebarang masalah yang timbul daripada penggunaan maklumat dan visual yang terkandung di dalamnya.

Diterbitkan Oleh
Pusat Rancangan Kokurikulum,
Bangunan C15, Jalan Gemilang,
Universiti Sains Malaysia,
11800 Penang,
Malaysia.
+604-6535243

<https://kok.usm.my/index.php/publications/bulletin/kor-sispa>
Buletin ini diterbitkan setiap tahun

Pengenalan

Buletin Kor SISPA USM Edisi 2024 merupakan penerbitan sulung yang menghimpunkan pelbagai aktiviti, pencapaian, dan inisiatif yang dilaksanakan sepanjang sidang 2023/2024. Edisi pertama ini menjadi langkah awal dalam usaha Kor SISPA Universiti Sains Malaysia untuk mendokumentasikan perjalanan dan sumbangan ahlinya secara rasmi. Buletin ini juga akan diterbitkan setiap tahun sepanjang tempoh perjalanan Kor SISPA USM.

Sebagai sebuah badan beruniform yang berteraskan nilai integriti, disiplin, dan kepimpinan, penerbitan ini diharapkan dapat menjadi platform untuk mencerminkan semangat dan dedikasi semua Pegawai Kadet SISPA. Selain menjadi rujukan rasmi, buletin ini juga bertujuan menginspirasikan usaha berterusan dalam mengekalkan kecemerlangan Kor SISPA USM di masa hadapan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga Buletin Kor SISPA USM Edisi 2024 menjadi perintis kepada tradisi dokumentasi yang akan terus berkembang pada masa hadapan.

Isi Kandungan



02 - 04

KATA ALU-ALUAN

05

CARTA ORGANISASI
SEKRETARIAT 24/25

06

BARISAN KEPIMPINAN
SEKRETARIAT 24/25

07 - 26

RANGKUMAN BULETIN 2024

KOMANDAN KOR SISPA USM

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Malaysia Madani.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat

secara langsung ataupun tidak langsung dalam pelaksanaan Buletin Kor SISPA Universiti Sains Malaysia 2024/2025. Saya amat menghargai usaha semua pihak yang telah menjayakan penerbitan buletin ini, kerana ia berpotensi menjadi medium perkongsian maklumat dan publisiti yang berkesan bagi Kor SISPA USM.

Buletin ini bukan sahaja mampu menarik minat para siswazah terhadap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), tetapi juga berupaya meningkatkan penyertaan pelajar dalam kor ini. Di samping itu, ia dapat memastikan seluruh komuniti, terutamanya warga USM, sentiasa peka dan cakna terhadap perkembangan serta isu-isu semasa berkaitan Kor SISPA USM.

Untuk makluman, Kor SISPA Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan unit beruniform yang ditubuhkan selari dengan inisiatif Angkatan Pertahanan Awam (APM), iaitu sebuah institusi latihan yang menggabungkan ilmu keselamatan, ketahanan fizikal dan Pembangunan sahsiah diri. Pertubuhan ini mampu menjadi langkah pertama bagi para mahasiswa USM untuk memahami dan mengenali APM, di samping menjadi penanda aras dari aspek keamanan dan keselamatan masyarakat awam. Tambahan lagi, Kor SISPA juga merupakan platform kepada mahasiswa untuk menyumbang bakti dan tenaga kepada masyarakat di luar sana.

Saya percaya dengan penglibatan pelajar USM dalam Kor SISPA ini, dapat menanamkan semangat kerjasama yang unggul, kepimpinan bermutu dan integriti dalam setiap tindakan, dan melahirkan mahasiswa yang berintegrasi dalam menonjolkan nilai keprihatinan yang mampu membentuk sebuah masyarakat yang lebih dinamik dan progresif.

Saya percaya Kor SISPA USM ini akan terus menerus melahirkan mahasiswa yang kompeten. Pengalaman sebagai pelajar dan Pegawai Kadet SISPA (PKS) dapat dimanfaatkan sepenuhnya, sekaligus menjadi kebanggaan Universiti Sains Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PPj. Kehormat (PA) Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Samat

Komandan

Kor SISPA Universiti Sains Malaysia



TIMBALAN KOMANDAN KOR SISPA USM KAMPUS INDUK

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Malaysia Madani.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Buletin Kor Sispa Universiti Sains Malaysia Sidang Akademik 2024/2025 dapat kita realisasikan. Buletin ini merupakan manifestasi usaha dan dedikasi semua ahli Kor SISPA USM dalam menyampaikan maklumat, berkongsi pengalaman, serta mendokumentasikan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Kor SISPA Universiti Sains Malaysia (USM) adalah pasukan yang ditubuhkan dengan matlamat melahirkan mahasiswa yang mempunyai kemahiran dalam bidang Pertahanan Awam. Sebagai kursus kokurikulum di USM, Kor SISPA memberi tumpuan kepada latihan intensif dalam aspek keselamatan, kecemasan, dan pengurusan bencana. Pegawai Kadet Sispa (PKS) yang menyertai program ini dilatih untuk menjadi pemimpin berkemahiran tinggi dalam mengendalikan situasi kecemasan, selaras dengan moto 'We Lead' yang dipegang oleh USM.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin Kor Sispa USM Sidang Akademik 2024/2025. Penglibatan aktif dan komitmen daripada setiap individu, baik secara langsung maupun tidak langsung adalah kunci kejayaan dalam merealisasikan penerbitan ini. Besar harapan saya agar Buletin Kor SISPA yang diterbitkan ini mampu mencerminkan identiti, semangat dan komitmen Kor SISPA dalam menjalankan tanggungjawabnya. Semoga kejayaan Kor SISPA USM dapat terus berkembang dan memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim

Timbalan Komandan

Kor SISPA Universiti Sains Malaysia



AJUTAN KOR SISPA USM KAMPUS INDUK

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Malaysia Madani.

Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita berjaya merealisasikan penghasilan Buletin Kor Sispa Universiti Sains Malaysia (USM) Sidang Akademik 2024/2025. Besar harapan saya agar penerbitan buletin ini dapat menjadi wadah untuk kita saling berkongsi ilmu dan pengalaman bersama.

Kor SISPA USM bukan sahaja platform untuk membentuk jati diri, disiplin dan kepimpinan, tetapi juga sebuah institusi yang mengukuhkan nilai-nilai perpaduan, kesukarelawanan serta tanggungjawab sosial dalam kalangan generasi muda. Sebelum menerima tauliah, pegawai kadet SISPA perlu melalui lima kursus utama seperti Kursus Asas dan Latihan Medan, First Responden Life Support (FRLS), Pusat Pemindahan Sementara (PPS), Metodologi Kejurulatihan dan Bakal Pegawai untuk menjadikan mereka seorang pegawai yang berilmu dan berkemahiran. Saya yakin bahawa dengan pembentukan kompetensi dan nilai-nilai murni ini, Kor SISPA USM akan terus melahirkan pemimpin yang berwawasan dan mampu memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara suatu hari nanti.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan setiap program yang dijalankan di bawah kelolaan Kor SISPA USM. Saya berharap agar KOR SISPA terus menjadi tonggak utama dalam mengharumkan nama Universiti Sains Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Mejar Bersekutu (PA) Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud

Pengerusi Rancangan/Ajutan

Kor SISPA Universiti Sains Malaysia



PENASIHAT SEKRETARIAT KOR SISPA USM KAMPUS INDUK

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Malaysia Madani.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada barisan Pegawai Kadet Sispa (PKS) atas komitmen dan penglibatan dalam penghasilan BULETIN KOR SISPA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA bagi Sidang Akademik 2024/2025. Buletin ini merupakan salah satu medium pemakluman kepada umum berkenaan program dan aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan sepanjang sidang akademik ini.

Sebagai Penasihat Sekretariat, saya agak teruja dengan inisiatif dan pendekatan yang diambil oleh Sekretariat dalam berkongsi dengan umum perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti Kor SISPA USM. Ini secara tidak langsung dapat mendedahkan kepada umum berkenaan kepentingan dan kelebihan ilmu pertahanan awam. Buletin ini juga boleh menjadi medium perkongsian maklumat dan juga promosi kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) Malaysia.

Harapan saya agar Kor Sispa USM terus bergerak maju ke hadapan dan seterusnya memperkenal idea-idea kreatif dan inovatif dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Semoga segala usaha dan komitmen yang diberikan akan memberi impak yang positif, tidak hanya kepada ahli Kor SISPA, tetapi juga kepada universiti, masyarakat dan negara.

Akhir kata, saya yakin dan percaya bahawa Kor SISPA USM akan terus komited dalam mempersiapkan anggota yang bukan sahaja cekap dan profesional, tetapi juga berpegang teguh kepada moto APM iaitu 'Sedia, Pantas, dan Integriti'.

Sekian, terima kasih.

Kapt. Bersekutu (PA) Mohd Jaya Mohd Johan

Penasihat Sekretariat

Kor SISPA Universiti Sains Malaysia



YANG DI-PERTUA KOR SISPA USM SIDANG AKADEMIK 2024/2025

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Malaysia Madani.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buletin Kor SISPA USM dapat diterbitkan sebagai medium untuk menyampaikan maklumat, laporan aktiviti, dan perkembangan terkini sekretariat kita. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan penerbitan ini.

Saya, selaku Yang Dipertua Kor SISPA USM bagi sesi akademik 2024/2025, bertekad untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi bersama barisan Majlis Tertinggi dan Exco Kor SISPA USM dalam usaha mengharumkan nama baik Kor SISPA serta Universiti Sains Malaysia. Saya juga berharap agar hubungan baik antara Pegawai Kadet Sispa (PKS) Muda, Inter, dan Senior dengan barisan Majlis Tertinggi serta Exco Kor SISPA USM terus terjalin erat.

Di samping itu, saya menyeru agar setiap Pegawai Kadet SISPA (PKS) sentiasa komited dan bersungguh-sungguh menjalani latihan sepanjang tempoh kursus bagi memantapkan kecemerlangan diri dan organisasi. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapan kepada barisan Pegawai Bersekutu, Pegawai Penyelaras dan Jurulatih Kor SISPA USM atas sumbangan serta bimbingan yang diberikan kepada PKS.

Semoga Kor SISPA USM terus unggul dan berdaya saing, seterusnya mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu penanda aras Kor SISPA di Malaysia..

Sekian terima kasih

Cik Muhammad Noorhafiz Belthazar

Yang Dipertua Kor SISPA USM



CARTA ORGANISASI SEKRETARIAT KOR SISPA USM

SIDANG AKADEMIK 2024/2025



Kapten (PA) Mohd Jaya Mohd Johan
Penasihat Sekretariat



Muhammad Noorhafiz Belthazar
Yang Di-Pertua



Ameerul Fahimi Zulkifli
Naib Yang Di-Pertua 2



Muhammad Asyqar Widad Mohd Azrol Nizam
Naib Yang Di-Pertua 1



Rifah Farhana Rifky
Setiausaha Agung



Daing Ahmad Faris Daing Ahmad Yazid
Bendahari Kehormat



Athirah Iwani Ibeni Yanin
Bendahari Kerja



Ellyana M. Natsir
Setiausaha Kerja



Sangkinah Rasif
Ketua Jabatan Kulinari



Amira Natasya Muhamad Nassir
Ketua Jabatan Protokol



Fatini Nadiah Ahmad Yusof
Ketua Jabatan Multimedia



Nur Syamimi Md Nazri
Ketua Jabatan Logistik




Ayuni Hakimah Che Alias
Ketua Jabatan Sukan



Muhammad Hafiz Ikmal Shahru Nizam
Ketua Jabatan Kebajikan & Kerohanian

BARISAN JABATAN SEKRETARIAT KOR SISPA USM SIDANG AKADEMIK 2024/2025





BERITA KOR SISPA USM

KEADAAN PEJABAT SISPA YANG TELAH DIBAIK PULIH

TERIMA KASIH PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM

Pada **18 Oktober 2023** yang lalu, kerosakan yang berlaku pada kemudahan di pejabat KOR SISPA USM telah dibaik pulih oleh pihak bertanggungjawab.

Antara kerosakan yang telah dibaik pulih adalah masalah kipas angin di dalam bilik stor penyimpanan pakaian dan kelengakapan PKS.

Selain itu, masalah singki tersumbat, penyaman udara dan masalah pengunci tingkap juga dibaik pulih. Kerosakan pintu tandas juga telah diperbaiki bagi memudahkan kegunaan tandas tersebut.



MASALAH SINGKI TERSUMBAT



PENGUNCI TINGKAP



MASALAH KIPAS ANGIN



PENYAMAN UDARA RUANG PEJABAT



PINTU TANDAS



USM
UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



BERITA KOR SISPA USM

PENGAMBILAN BAHARU PEGAWAI KADET SISPA USM 23/24


UJIAN KECERGASAN FIZIKAL (UKF)

Pada 21 Oktober 2023, telah berlangsungnya Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) bagi pengambilan baharu Pegawai Kadet Siswa (PKS) USM bagi sesi 23/24.

Seramai 176 calon telah menghadiri sesi ujian kecergasan fizikal, iaitu 61 calon lelaki dan 116 calon perempuan.

Terdapat 5 ujian fizikal yang telah dijalankan, antaranya ujian Body Mass Index (BMI), bangkit tubi, tekan tubi, ujian angkat berat dan larian 2.4km.

Ujian dimulakan dengan sesi taklimat dan sesi pemanasan badan.



BERITA KOR SISPA USM

PENGAMBILAN BAHARU PEGAWAI KADET SISPA USM 23/24

TEMUDUGA PENGAMBILAN BAHARU

Pada 22 Oktober 2023, telah berlangsungnya sesi temuduga pengambilan baharu Pegawai Kadet Siswa (PKS) USM bagi sesi 23/24.

Seramai 126 calon telah berjaya ke peringkat temuduga dan sesi temuduga ini telah melibatkan seramai 30 orang penilai yang terdiri daripada Pegawai dari skuad Intermediate, Pegawai dari skuad Senior dan beberapa orang Y.O

Tujuan temuduga itu dilakukan bagi memilih pegawai yang selayaknya dan yang mampu memberi komitmen sepenuhnya di dalam Kor Siswa USM

Semoga calon calon berjaya lulus ujian temuduga untuk bergelar sebagai Pegawai Kadet Siswa USM.



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



SEKRETARIAT KOR SISPA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BERITA KOR SISPA USM

LATIHAN MONSUN TIMUR LAUT SIRI 1 2023/2024



LATIHAN MONSUN TIMUR LAUT

Pada **18 November - 19 November**, telah berlangsungnya latihan monsun timur laut siri 1 bagi sesi 2023/2024 yang melibat 30 orang pegawai kadet sispa senior.

Latihan yang telah dijalankan meliputi kecergasan fizikal, pengenalan enjin bot, pengendalian bot, pengurusan pusat pemindahan sementara dan penggunaan peralatan komunikasi.

Latihan ini bertujuan untuk memastikan kesiapsiagaan pegawai kadet Sispa dalam menghadapi monsun timur laut.

Semoga latihan ini dapat dilaksanakan dari masa ke masa bagi memastikan setiap pegawai kadet Sispa sentiasa bersedia dan bersiapsiaga jika berlaku sebarang kecemasan.



USM
UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEX™



BERITA KOR SISPA USM

LATIHAN MONSUN TIMUR LAUT SIRI 2 2023/2024



PENGENDALIAN PERALATAN OPERASI



PENGENALAN PERALATAN KOMUNIKASI



TAKLIMAT KESELAMATAN

LATIHAN MONSUN TIMUR LAUT

Pada 25 November - 26 November, telah berlangsungnya latihan monsun timur laut siri 2 bagi sesi 2023/2024 yang melibat gabungan antara pegawai/anggota PDPA Timur Laut bersama 15 orang pegawai kadet sispa USM serta Cdert Komuniti.

Latihan yang telah dijalankan meliputi kecergasan fizikal, pengenalan enjin bot, pengendalian bot, pengendalian peralatan operasi dan penggunaan peralatan komunikasi.

Latihan ini bertujuan untuk memastikan kesiapsiagaan pegawai kadet Sispa dalam menghadapi monsun timur laut.

Semoga latihan ini dapat dilaksanakan dari masa ke masa bagi memastikan setiap pegawai kadet Sispa sentiasa bersedia dan bersiapsiaga jika berlaku sebarang kecemasan



PENGENDALIAN BOT



KAWAD KAKI

BERITA KOR SISPA USM

PERLAWANAN PERSAHABATAN KOR SISPA VS APM PULAU PINANG

KOR SISPA USM VS APM PULAU PINANG

Pada **21 Disember 2023**, telah berlangsungnya perlawan persahabatan bola sepak antara pasukan Kor Sispa USM menentang pasukan APM Pulau Pinang.

Perlwan persahabatan tersebut diakhiri dengan pasukan APM Pulau Pinang meraih 4 jaringan gol berbalas 2 oleh pasukan Kor Sispa USM.

Perlawan persahabatan ini dilangsungkan bagi mengeratkan hubungan antara APM Pulau Pinang dan Kor Sispa USM. Selain itu, aktiviti ini juga merupakan salah satu cara mengukuhkan kecerdasan untuk kekal aktif bersama.



BERITA KOR SISPA USM

KEJOHANAN KARNIVAL FUTSAL KOKURIKULUM USM 2023

WPA SANDANG GELARAN NAIB JUARA, SISPA FC LAYAK KE SUKU AKHIR

Pada 23 Disember 2023, telah berlangsungnya Karnival Futsal Kokurikulum USM 2023 yang bertempat di Kompleks Sukan Azman Hashim USM.

Kor SISPA USM telah menghantar 2 pasukan iaitu SISPA FC seramai 8 orang yang terdiri daripada Pegawai Kadet Sispas (PKS) Inter dan Muda serta pasukan WPA seramai 9 orang yang terdiri daripada Y.O (Young officer).

SISPA FC telah berjaya melayakkan diri hingga ke peringkat suku akhir perlawanan dengan menentang The Cops. Kemenangan 1-0 telah memihak kepada pasukan The Cops.

Manakala, WPA telah berjaya menyandang naib juara bagi keseluruhan perlawanan apabila tewas di peringkat akhir dengan skor 0-2 menentang pasukan The Cops.

Penglibatan SISPA FC dan WPA dalam karnival ini adalah untuk mengeratkan hubungan Kor SISPA USM dengan unit kokurikulum yang lain sekaligus meningkatkan stamina masing-masing.



BERITA KOR SISPA USM

MAJLIS PENUTUPAN KURSUS BAKAL PEGAWAI SIDANG AKADEMIK 23/24

MAJLIS PENUTUPAN KURSUS BAKAL PEGAWAI

Pada **19 hingga 21 JANUARI 2024**, telah berlangsungnya Kursus Bakal Pegawai bagi PKS Senior Sidang Akademik 2023/2024. Majlis penutupan Kursus Bakal Pegawai telah dirasmikan oleh Tuan Haafiz merangkap Timbalan Komandan Kor Sispa USM. Kursus ini telah berlangsung selama 3 hari dan bertempat di Padang Kawad USM.

Kursus ini merupakan kursus terakhir yang wajib diambil oleh setiap PKS Senior sebelum ditaliahkan sebagai Leftenan Muda. Syabas diucapkan kepada PKS Senior kerana telah berjaya melengkapkan kesemua Lima kursus dengan jayanya. Diharapkan agar kejayaan ini dapat menjadi pembakar semangat dan ikutan kepada PKS Muda dan Inter untuk meneruskan perjuangan hingga ke akhirnya. Pihak sekretariat mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua keluarga Kor Sispa USM.



UCAPAN TIMBALAN KOMANDAN
KOR SISPA USM



PENYAMPAIAN
HADIAH & CENDERAMATA



UJIAN KAWAD KAKI

BERITA KOR SISPA USM


KUNJUNGAN HORMAT KOR SISPA USM & PEMBENTANGAN KERTAS KERJA ‘CIVIL DEFENCE SKILLS CHALLENGE’

KUNJUNGAN HORMAT KOR SISPA USM & PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Pada **1 Februari 2024**, telah berlangsungnya Kunjungan Hormat Pengurusan Tertinggi Kor Sispa USM ke pejabat Angkatan Pertahanan Awam Negeri Pulau Pinang.

Kunjungan Hormat tersebut diketuai oleh Timbalan Komandan Kor Sispa USM, Yang Berbahagia, Kol. Bersekutu (PA) Prof Madya Dr. Mohd Haafiz bin Mohd Kassim bersama Yang Berbahagia Mejar Bersekutu (PA) Gs Dr. Mohd Amirul bin Mahamud rangkap Ajutan Kor Sispa Usm diikuti dengan barisan Majlis Tertinggi Kor Sispa USM.

Satu mesyuarat ringkas dan pembentangan kertas kerja Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Civil Defence Challenge telah diadakan sepanjang Kunjungan Hormat tersebut. Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh PPAD, Yang Setia, Kol. (PA) Ishak bin Mohd Radzi beserta Pegawai-Pegawai APM Pulau Pinang termasuk PDPA Timur Laut. Diharapkan segala perancangan yang dibincangkan dapat berjalan dengan lancar.



BERITA KOR SISPA USM

PEMULAAN SESI AKADEMIK SEMESTER II

MAJLIS BACAAN YASSIN DAN DOA SELAMAT

Pada **28 Mac 2024** yang lepas, telah berlangsungnya bacaan yassin dan doa selamat bersempena dengan Nuzul al-Quran dan permulaan Semester 2 bagi Sidang Akademik 23/24. Bacaan yassin ini merupakan hasil kolaborasi daripada Jabatan Protokol dan Jabatan Kebajikan. Bacaan yassin telah dipimpin oleh Exco Kebajikan, PKS Muda, Ikmal.

Bacaan yassin ini turut disertai oleh Mejar Bersekutu (PA) Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud selaku Pengurus Rancangan KOR SISPA USM.

Semoga segala urusan seluruh warga KOR SISPA USM diper mudahkan dan diredhai Allah S.W.T.




BERITA KOR SISPA USM

PEMBENTANGAN TAKWIM SEMESTER II

PERJUMPAAN PKS DAN PEGAWAI BERSEKUTU

Pada 7 April 2024 yang lepas, telah berlangsungnya Perjumpaan PKS bersama Pegawai Bersekutu dan Penyelaras Kor SISPA USM secara dalam talian. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Komandan KOR SISPA USM, Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim. Diteruskan lagi dengan ucapan Pengerusi Rancangan KOR SISPA USM, Mejari Bersekutu (PA) Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud.



Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membentangkan takwim bagi Semester 2, Sidang Akademik 23/24. Takwim telah disampaikan oleh Yang di-Pertua KOR SISPA USM, Muhammad Azrul Haiqal Ahamad Fuad.


Banyak program berimpak besar yang akan dijalankan dan disertai oleh KOR SISPA USM sepanjang semester 2.

Apa itu?

MyPKS ?

1. MyPKS merupakan satu sistem mata ganjaran.
2. MyPKS diberikan kepada PKS yang terlibat dalam pengurusan program & menyertai mana-mana program yang melibatkan SISPA.
3. PKS yang mengumpulkan mata ganjaran tertinggi akan mendapat anugerah &

Turut diperkenalkan MyPKS, iaitu suatu sistem mata ganjaran bagi setiap PKS. MyPKS merupakan satu inisiatif untuk menggalakkan PKS USM untuk bergiat aktif dalam pengurusan program dan menyertai mana-mana program dibawah kelolaan SISPA USM.



BERITA KOR SISPA USM

PERTANDINGAN KUIZ PENDETA SIRI 2
ANJURAN PERSATUAN KOR SUKSIS USM 2023/2024

KOR SISPA USM SANDANG GELARAN NAIB JUARA

Pada 26 Mei 2024, telah berlangsungnya pertandingan Kuiz Pendeta Siri 2 Anjuran Persatuan Kor SUKSIS USM. Pertandingan ini telah melibatkan 9 buah pasukan yang bertanding iaitu terdiri daripada persatuan badan beruniform dan persatuan anak negeri. Kor SISPA USM telah menghantar dua wakil peserta iaitu Pegawai Kadet SISPA Kaushiganath a/l Kumaran & Pegawai Kadet SISPA Alfred Kong Kee Kin

Kor SISPA USM telah berjaya menyandang gelaran Naib Juara bagi keseluruhan pertandingan setelah tewas dengan Palapes USM pada peringkat akhir dengan perbezaan mata sebanyak 17 mata.

Jutaan Syabas dan Tahniah diucapkan kepada kedua-dua peserta dan semua yang telah terlibat.



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



BERITA KOR SISPA USM

PERLAWANAN PERSAHABATAN KOR SISPA VS APM PULAU PINANG

KOR SISPA USM (PKS JUNIOR) VS APM PULAU PINANG

Pada **2 Mei 2024**, telah berlangsungnya perlawanan persahabatan bola sepak antara pasukan PKS Muda Kor Sispa USM menentang pasukan APM Pulau Pinang.

Perlawan persahabatan tersebut berakhir dengan pasukan APM Pulau Pinang yang meraih kemenangan dengan jaringan 3 gol berbalas 0 oleh pasukan PKS Muda Kor Sispas USM.

Perlawanan persahabatan ini dilangsungkan bagi menguatkan lagi ukhuwah antara APM Pulau Pinang dengan Kor Sispas USM. Selain itu, aktiviti ini juga merupakan salah satu cara bagi meningkatkan kecergasan untuk kekal aktif bersama.



APM PULAU PINANG FC X PKS MUDA KOR SISPA USM



BERITA KOR SISPA USM

PERJUMPAAN BARIS PAGI KALI TERAKHIR BAGI
SIDANG AKADEMIK 23/24

SESI PEMERIKSAAN BARIS PAGI OLEH TIMBALAN KOMANDAN KOR SISPA USM

Pada 29 Mei 2024, telah berlangsungnya perbarisan pagi kali terakhir bagi sidang akademik 2023/2024 bagi semua PKS. Pemeriksaan baris telah dilakukan oleh Timbalan Komandan KOR SISPA USM, Kol. Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim. Turut hadir bersama-sama ialah Pengerusi Rancangan KOR SISPA USM, Mejari Bersekutu (PA) Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud dan Penasihat Sekretariat KOR SISPA USM, Kapt. Bersekutu (PA) Mohd Jaya bin Johan.

Selain itu, sesi penggambaran di antara pegawai-pegawai bersekutu bersama dengan PKS Senior turut diadakan sebagai tanda kenang-kenangan pada masa akan datang.



BERITA KOR SISPA USM

SENAMROBIK SEMPENA MINGGU KELESTARIAN USM
2023/2024

KOR SISPA USM MENYAMBUT BAIK PROGRAM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pada 8 Jun 2024, telah berlangsungnya senamrobik sempena Minggu Kelestarian Universiti Sains Malaysia 2023/2024 anjuran Kampus Sejahtera USM dengan kerjasama MPPUSM dan BHEPA USM. Kor SISPA USM telah menghantar kesemua PKS yang terdiri daripada PKS Muda, Inter dan Senior untuk menyertai aktiviti senamrobik ini. Program ini bermula pada 7.30 pagi dan bertempat di Padang Kawad USM. Turut hadir bersama-sama ialah Pengurus Rancangan Kor SISPA USM, Mejar Bersekutu (PA) Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud sebagai tanda penyokongan Kor SISPA USM terhadap program yang dianjurkan oleh pihak Universiti Sains Malaysia.

Selain itu, program ini juga merupakan platform yang baik untuk mengeratkan hubungan antara Kor SISPA USM dengan pelbagai organisasi di USM, seterusnya memperkuatkan lagi ikatan silaturahim dalam komuniti universiti. Melalui aktiviti seperti ini, diharapkan dapat meningkatkan kesedaran warga USM supaya lebih peka terhadap kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar dan mengamalkan gaya hidup sihat.

SESI FOTOGRAFI SELEPAS SENAMROBIK



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEX™

SEJARAH DAN
KONSEP
KELESTARIAN
ALAM
UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

PERHAKIMAN
SUNGAI
MELAKA

SEKRETARIAT KOR SISPA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BERITA KOR SISPA USM

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA JARING KOR SISPA VS APM PULAU PINANG

KOR SISPA USM (PKS SENIOR) VS APM PULAU PINANG

Pada **13 Jun 2024**, telah berlangsungnya perlawanan persahabatan bola jaring antara pasukan PKS Senior Kor Sispa USM menentang pasukan APM Pulau Pinang.

Perlawan persahabatan tersebut berlangsung sebanyak 4 pusingan dan berakhir dengan pasukan APM Pulau Pinang yang meraih kemenangan dengan jaringan 45 mata berbalas 5 oleh pasukan PKS Senior Kor Sispa USM.

Perlawanan persahabatan ini dilangsungkan bagi menguatkan lagi ukhuwah antara APM Pulau Pinang dengan Kor Sispa USM. Selain itu, aktiviti ini juga merupakan salah satu cara bagi meningkatkan kecergasan untuk kekal aktif bersama.



BERITA KOR SISPA USM

PROGRAM TAMAT LATIHAN PKS SENIOR KOR SISPA USM

MAJLIS RINGKAS TAMAT LATIHAN PKS SENIOR BERSAMA JURULATIH APM PULAU PINANG

Pada 22 Jun 2024 telah berlangsungnya Program dan Majlis Ringkas Tamat Latihan PKS Senior bersama dengan jurulatih APM Pulau Pinang. Antara aktiviti yang telah dilakukan termasuklah aktiviti kecergasan fizikal di Taman Rekreasi USM (TRU), aktiviti Terowong Siswa, aktiviti pendakian Durian Valley dan aktiviti berjalan dengan jarak 10 kilometer.

Aktiviti- aktiviti ini dijalankan bagi menguatkan lagi ukhuwah antara PKS di samping menguji ketahanan mental dan fizikal mereka sebelum ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Pertahanan Awam.

Selain itu, setelah menjalani aktiviti tersebut, mereka telah disambut oleh PKS Inter dan PKS Muda sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang telah bertungkus-lumus sehingga tamat menjalani latihan.



BERITA KOR SISPA USM

MAJLIS PERBARISAN PEMBUKAAN LATIHAN BADAN
BERUNIFORM USM 2024

MAJLIS PENUTUPAN HARI KO-K SIDANG AKADEMIK 2023/2024

Pada 6 **Julai 2024** telah berlangsungnya Majlis Penutupan Hari Ko-K Sidang Akademik 2023/2024. Antara aktiviti yang telah dilakukan termasuklah perbarisan enam badan beruniform seperti PALAPES Darat, PALAPES Laut, KOR Suksis, KOR Sispa, ST. John Ambulans Malaysia dan Bulan Sabit Merah Malaysia. Terdapat juga persembahan khas, pameran peralatan, aset dan kenderaan bagi setiap badan beruniform.

Aktiviti- aktiviti ini dijalankan bagi memeriahkan Hari Perbarisan Pembukaan Latihan Badan Beruniform Universiti Sains Malaysia 2024. Selain tu, pameran yang diadakan turut bertujuan untuk menampilkan teknologi terkini, peralatan keselamatan, dan inovasi dalam badan beruniform yang dapat meningkatkan kefahaman orang awam.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada PKS Kor Sispa yang terlibat dalam perbarisan kawad kaki dan persembahan serangan udara Hari Ko-K. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi untuk terus berusaha keras dalam segala cabaran yang akan dihadapi pada masa depan.



BERITA KOR SISPA USM

ANNUAL GENERAL MEETING SIDANG AKADEMIK 23/24

BARISAN MAJLIS TERTINGGI 24/25 DIUMUMKAN, HARAPAN TINGGI TERHADAP KEPIMPINAN BAHARU

Pada **29 Jun 2024**, Sekretariat Kor SISPA USM telah mengadakan Annual General Meeting (AGM). Majlis ini berlangsung di Dewan Kuliah D dengan kehadiran semua anggota sekretariat yang bermula seawal jam 9.00 pagi. Semua PKS mengenakan pakaian korporat yang melambangkan imej profesionalisme Kor Sispa USM. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Rancangan Kor SISPA USM, Mejar Bersekutu (PA) Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud. Dalam ucapan perasmianya, beliau menekankan pentingnya peranan setiap anggota dalam menyokong dan memajukan sekretariat.

Majlis ini juga diakhiri dengan pengenalan barisan Majlis Tertinggi yang baharu bagi sesi 24/25. Diharapkan barisan Majlis Tertinggi yang baharu mampu meneruskan legasi kecemerlangan Kor SISPA USM. Semoga barisan sekretariat baharu Sidang Akademik 24/25 dapat menunaikan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan terus memajukan Sekretariat Kor SISPA USM.



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



BERITA KOR SISPA USM

ISTIADAT PENTAULIAHAN KOR SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-15

PEGAWAI KADET SISPA USM DITAUULIAHKAN PANGKAT LEFTENAN MUDA (PA)

Pada 18 Ogos 2024 berlangsungnya Istiadat Pentaulahan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Peringkat Kebangsaan kali ke-15 Tahun 2024 yang bertempat di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, Johor. Acara yang bersejarah yang penuh gilang-gemilang ini menyaksikan seramai 769 Pegawai Kadet SISPA daripada Kor SISPA Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan 58 kadet daripada Institusi Pendidikan Guru (IPG) ditauliahkan dengan pangkat Leftenan Muda Pertahanan Awam dan Staf Muda Pertahanan Awam.

Majlis Istiadat ini turut dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Seramai 34 Pegawai Kadet Kor SISPA dari Universiti Sains Malaysia (USM) hadir untuk ditauliahkan dengan pangkat Leftenan Muda (PA).

Jutaan terima kasih turut dirakamkan kepada barisan Pegawai Bersekutu yang telah memberi sokongan penuh sepanjang latihan dan pentaulahan ini. Antaranya ialah Komandan Kor SISPA USM, PPJ. Kehormat (PA) Prof. Dato' GS. Dr. Narimah Samat, Timbalan Komandan Kor SISPA USM, Kol Bersekutu (PA) Prof. Madya Dr. Mohamad Haafiz Mohamad Kassim, Pengerusi dan Ajutan Kor SISPA USM, Mejari Bersekutu (PA) Gs. Dr. Mohd Amirul Mahamud, Penasihat Sekretariat Kor SISPA USM, Kapten Bersekutu (PA) Mohd Jaya Mohd Johan serta Penyelaras dan Jurulatih Kor SISPA USM, Lt. (PA) Mohd Faizal Adnan. Tidak lupa juga kepada barisan jurulatih-jurulatih dan barisan urus setia yang hadir memberi sokongan dalam memastikan kejayaan dan kelangsungan majlis ini.

Majlis Istiadat yang berlangsung dari 13 hingga 18 Ogos 2024 ini telah berjaya mencapai matlamatnya. Di samping itu, diharapkan agar kerjasama dan semangat yang ditunjukkan oleh para leftenan muda akan terus berkembang sekaligus mendorong pembentukan generasi yang lebih berdaya maju dan berintegriti selaras dengan moto Angkatan Pertahanan Awam Malaysia iaitu “Sedia, Pantas dan Beringtegiri”.



JABATAN MULTIMEDIA KOR SISPA USM



Pusat Rancangan Kokurikulum
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
2024



SEDIAS • PANTAS • BERINTEGRITI

